

BAB DUA

TINJAUAN PENYELIDIKAN DAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan melihat persepsi pelajar tentang kepentingan pendidikan kewarganegaraan. Oleh itu, antara tujuannya ialah menilai kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah.

Bab ini merangkumi tinjauan kajian yang berkaitan dengan penyelidikan projek kajian ini. Ia dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang berikut:

- i. Maksud atau definisi pendidikan kewarganegaraan
- ii. Tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan
- iii. Beberapa versi kewarganegaraan
- iv. Model-model pembelajaran kewarganegaraan
- v. Kepentingan pendidikan kewarganegaraan
- vi. Pendidikan kewarganegaraan dalam kurikulum

- vii. Peranan guru dalam menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan kewarganegaraan, perkara utama yang harus diberi perhatian ialah penekanan terhadap nilai-nilai kewarganegaraan yang diterapkan merentas kurikulum dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, pendidikan kewarganegaraan mempunyai skop yang lebih luas dan bukan sekadar kebolehan mengenal pasti nilai-nilai kewarganegaraan. Pendidikan kewarganegaraan akan dibincangkan dengan lebih mendalam seterusnya.

2.2 Maksud Atau Definisi Pendidikan Kewarganegaraan

National Curriculum of England menjelaskan pendidikan kewarganegaraan sebagai memberi keutamaan kepada pembelajaran kemahiran sosial yang positif melalui mata pelajaran asas dan teras di sekolah. Ini menunjukkan bahawa pendidikan kewarganegaraan adalah bersifat merentas kurikulum kerana diterapkan dalam pelbagai mata pelajaran asas dan teras di sekolah. Oleh itu, semua pelajar tanpa mengira jurusan didedahkan dengan pendidikan kewarganegaraan (Arthur, Davison & Stow, 2000).

Ross (2000) berpendapat, pendidikan kewarganegaraan berkait rapat dengan pengajian sosial dan bertujuan menyediakan pelajar untuk menjadi ahli masyarakat yang dapat memainkan peranan aktif dalam sebuah masyarakat yang demokratik.

Menurut Mc Laughlin (1992), pendidikan kewarganegaraan mempunyai perkaitan rapat dengan pendidikan moral dan pendidikan nilai. Adakalanya pendidikan kewarganegaraan dikenali dengan istilah pendidikan moral dan pendidikan nilai. Pandangan ini disokong oleh Steutal & Spiecker (2000) yang mengemukakan teori Amy Gutmann di mana pendidikan kewarganegaraan dikatakan mempunyai perkaitan rapat dengan pendidikan Sivik. Pendidikan Sivik disediakan oleh negara dan adalah untuk negara (*by the state, for the state*).

Lynch (1992), menyatakan bahawa pendidikan kewarganegaraan sewajarnya diberikan kepada pelajar di tahap sekolah rendah untuk memberi pendedahan dalam bentuk sosialisasi politik. Ini kerana pendidikan kewarganegaraan berpotensi membentuk warganegara yang demokratik. Menurutnya lagi, keutamaan harus diberikan dalam penerapan nilai-nilai seperti kebebasan beragama dan berpersatuan, perhimpunan secara aman dan protes serta mengutamakan nilai menghormati individu lain. Walau bagaimanapun, Nazaruddin, Maarof, Asnarulkhadi & Ismail (2003), berpandangan pendidikan kewarganegaraan, boleh disamakan dengan pengetahuan tentang sejarah negara, sistem kerajaan dan prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan dan hal-hal perundangan negara.

Sebagai kesimpulannya, pendidikan kewarganegaraan boleh didefinisikan sebagai pengajaran dan pembelajaran kemahiran sosial yang berkait rapat dengan literasi sosial. Ia juga adakalanya dikenali sebagai pendidikan nilai atau pendidikan moral. Pendidikan kewarganegaraan juga disamakan dengan pendidikan sivik yang bertujuan memberi

sosialisasi politik kepada pelajar. Dari perspektif ini, pendidikan kewarganegaraan mengutamakan pengetahuan tentang sejarah negara, sistem kerajaan dan prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan dan hal-hal perundangan negara.

2.3 Tujuan dan Objektif Pendidikan Kewarganegaraan

Pendidikan kewarganegaraan mempunyai beberapa tujuan dan objektif yang perlu dicapai. Tujuan dan objektif ini dibincangkan dalam pandangan pelbagai pihak. Kalantzis & Cope (1983) berpandangan tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan mempunyai kaitan dengan literasi sosial iaitu pengetahuan dan pembelajaran sosial. Pendapat ini diulas dengan lebih lanjut oleh Pring (1975), yang menjelaskan tujuan dan objektif pengajian sains sosial ialah pengetahuan tentang masyarakat tempatan, memahami bagaimana masyarakat berfungsi, pembelajaran untuk menjadi lebih bertanggung jawab serta mempunyai sikap sosial yang betul.

National Curriculum of New Zealand menggariskan dengan jelas tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan ialah membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang berkaitan dengan perilaku yang bertanggung jawab dan kemahiran sosial yang betul (Arthur, Davison & Stow, 2000). National Curriculum of Britain pula menjelaskan tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan ialah untuk memupuk tanggung jawab sosial pelajar, meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan komuniti dan masyarakat, menghormati hak individu lain, memberi sumbangan

ke arah kebaikan umum dan berdikari serta mempunyai *self esteem* yang tinggi (NCC, 1990).

Ross (2000), berpandangan tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan bukan sekadar membantu pelajar menyesuaikan diri dengan satu masyarakat yang berciri demokrasi kapitalis, tetapi lebih kepada membantu pelajar mempersoal, memahami dan menguji realiti sosial. Menurutnya lagi, tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan ini boleh dicapai melalui pengajian komuniti (*community studies*).


Lynch (1992) berpendapat tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan boleh dilihat dalam perspektif yang lebih luas iaitu ke arah pembinaan warga global yang bertanggung jawab (*responsible global citizenship*) dan aktif, yang berkongsi nilai-nilai demokratik masyarakat plural. Tujuannya ialah untuk mengukuhkan semula proses saling bergantung yang bersifat global demi kebaikan umum.

Secara ringkasnya, tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan boleh dirumuskan seperti berikut: melahirkan warganegara yang mempunyai kesedaran sosial, memahami realiti sosial dan dapat memainkan peranan sebagai ahli masyarakat demokratik. Pada perspektif yang lebih luas, ia adalah bertujuan melahirkan warganegara yang boleh memainkan peranan sebagai warga global yang aktif dan bertanggung jawab.

2.4 Beberapa Versi Kewarganegaraan

Menurut pendapat Arthur & Davison (2000), terdapat empat versi kewarganegaraan yang coba dihasilkan melalui pendidikan kewarganegaraan. Rajah 2.1 menunjukkan keempat versi pendidikan kewarganegaraan tersebut yaitu *Palaeoconservative*, *Communitarian*, *Libertine* dan *Libertarian*. Setiap satu kewarganegaraan itu digariskan dengan nilai-nilai yang dimiliki oleh warganegara tersebut.

Rajah 1: Versi-versi Kewarganegaraan



Warganegara *Libertarian* berminat untuk terlibat dalam bidang politik. Namun demikian, tujuan mereka adalah untuk mengurangkan kawalan kerajaan dan meluaskan kuasa pasaran terutamanya dalam bidang pemilikan harta dan pelbagai perjanjian (*contract*). Warganegara ini tidak membahayakan masyarakat tetapi sebaliknya tidak begitu berminat tentang kebajikan masyarakat. Pendidikan kewarganegaraan *Libertarian* dapat melahirkan warganegara yang sesuai untuk masyarakat yang mengamalkan sistem kapitalis. Warganegara versi ini, akan merebut serta mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan mempunyai daya keusahawanan yang tinggi. Namun demikian, terdapat beberapa aspek yang negatif tentang warganegara *Libertarian*. Antaranya ialah seperti rasuah, penipuan dan hipokrasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai demokrasi.

Warganegara *Libertine*, sangat berminat dan terlibat dengan bidang politik tetapi bersifat anti-sosial. Pendidikan kewarganegaraan *Libertine*, tidak akan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat kerana tidak mengutamakan nilai-nilai seperti kemuliaan, tradisi dan komuniti. Warganegara *Libertine* akan memperjuangkan kebebasan individu yang maksimum. Setiap isu dalam masyarakat akan menjadi persoalan dan perdebatan. Pendidikan kewarganegaraan *Libertine*, boleh menyebabkan masyarakat berpecah belah kerana tiada perpaduan dan wujud persaingan.


Warganegara *Palaeoconservative*, mengutamakan nilai-nilai tradisi dan lebih bersifat konservatif dari segi sosial dan berpandangan bahawa masyarakat tidak memerlukan pengawalan kerajaan. Namun demikian, tindakan kerajaan yang

mengenakan undang-undang berunsur moral diterima baik. Pendidikan kewarganegaraan *Palaeoconservative*, pada asasnya menekankan nilai-nilai seperti hormat-menghormati, tanggung jawab dan disiplin sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga nilai-nilai negatif seperti terlalu mengikut (*conformity*), mudah menyerah (*submission*) dan bersifat tidak berkembang (*docility*).

Warganegara *Communitarian*, mengeneipkan kepentingan peribadi tetapi lebih mengutamakan komuniti. Oleh itu, mereka boleh bersifat progresif atau koservatif. Warganegara *Communitarian*, berupaya mengadakan keseimbangan antara kepentingan individu dengan kepentingan komuniti. Pendidikan kewarganegaraan *Communitarian*, memberi keutamaan kepada peranan institusi sosial sebagai penyokong kepada institusi sekolah atas kepercayaan bahawa masyarakat juga berkebolehan untuk mendidik. Kebaikan pendidikan kewarganegaraan *Communitarian* ialah ia menguatkan semangat demokrasi dan berkerjasama setiap individu. Namun demikian, terdapat juga kelemahannya iaitu dari segi pendekatannya, ia menjadi terlalu mengikut kehendak majoriti. Pengaruh sosial dan tahap moral masyarakat juga akan menjadi ikutan.

Rowe (2000), berpendapat terdapat tiga kategori pembelajaran kewarganegaraan berhubung dengan tiga iaitu domain kognitif, domain afektif dan domain aktif (pengalaman). Ketiga-tiga domain ini merangkumi keseluruhan perkembangan sosial dan moral. Ketiga-tiga domain ini pula mempunyai beberapa model pembelajaran kewarganegaraan yang secara ringkasnya diterangkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Model-model Pembelajaran Kewarganegaraan



2.4.1 Model-model Kognitif

Model-model pembelajaran kewarganegaraan kognitif terbahagi kepada lima yang utama iaitu:

i. *Model Pengetahuan Kenegaraan*

Model ini menggunakan pendekatan deskriptif untuk menyampaikan pengetahuan mengenai perlembagaan serta operasi kerajaan pusat dan kerajaan tempatan. Tumpuan utama diberikan kepada kesinambungan sosial dan nilai-nilai sivik tetapi nilai-nilai plural (*pluralistic values*) diketepikan kerana ia boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan pelajar. Oleh itu konflik dan kontroversi diminimumkan. Walaupun kandungannya sarat dengan pengetahuan namun penyampaiannya mudah. Model ini

biasanya digunakan pada tahap-tahap sekolah menengah dan tidak terdapat di tahap sekolah rendah seperti di Perancis (Starkey, 1992).

Model ini dianggap tidak relevan dan menarik minat pelajar kerana ia tidak mengambilkira isu-isu kontroversial. Metodologinya adalah bersifat didaktik, iaitu penyampaian maklumat satu hala oleh guru kepada pelajar. Model ini gagal memperkembangkan kemahiran demokratik dan sikap (*democratic skills and attitudes*) kerana pembelajaran tidak mengambilkira domain afektif pelajar.

Walaupun terdapat pelbagai kelemahan, model pengetahuan kenegaraan tetap popular dan paling kerap digunakan. Pada hakikatnya, ianya lebih mudah dilaksanakan berbanding dengan model-model lain yang mengutamakan penerapan nilai-nilai. Model ini juga boleh dilaksanakan oleh guru-guru yang tidak mahir atau tidak berpengalaman. Dari segi pedagogi, model ini lebih mudah dibandingkan dengan model-model pembelajaran kewarganegaraan yang lain. Oleh kerana sifat model ini yang tidak membangkitkan kontroversi, konflik antara pihak sekolah dan pihak lain seperti ibubapa dan kerajaan dapat dielakkan.

Salah satu kelemahan model pengetahuan kenegaraan ialah ia memberikan gambaran yang terlalu ideal tentang masyarakat. Pelajar mungkin tidak dapat menghadapi keadaan sebenar masyarakat yang penuh

dengan berbagai konflik dan ketidakseimbangan, apabila mereka meninggalkan bangku sekolah. Namun begitu, model pengetahuan kenegaraan tetap mempunyai kebaikan kerana ia sesuai digunakan untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai keupayaan mental yang tinggi atau pelajar-pelajar yang berada di sekolah rendah.

ii. *Model Patriotik*

Model patriotik memberi tumpuan kepada kesetiaan kepada negara dan komuniti. Dari segi pendekatannya, ia bercorak propaganda dan menyokong ideologi yang dipegang oleh pihak yang memerintah iaitu parti pemerintah. Oleh itu, ia mengeneipkan realiti sosial tentang kemajmukan (*pluralism*), dan bersifat anti-demokrasi serta tidak mengambilkira hak dan kebebasan bersuara.

Namun demikian, model patriotik diakui mempunyai kebaikan terutamanya kepada negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan dan terdiri daripada berbilang bangsa serta bertujuan membina negarabangsa dan identiti nasional.

iii. *Model Iubapa*

Model iubapa diamalkan dalam masyarakat berbilang bangsa seperti di Spain dan Eropah Utara. Model ini digunapakai apabila nilai-nilai sivik kebangsaan yang cuba diterapkan oleh kerajaan dalam sistem sekolah

bertentangan dengan nilai-nilai yang menjadi pegangan ibubapa untuk mengekalkan kebudayaan keluarga.

Kelemahan model ibubapa ialah pihak sekolah tidak dapat memainkan peranan aktif dalam menentukan pelajar mempunyai pengetahuan di luar batasan pandangan dan pegangan keluarganya. Pada hakikatnya, dalam masyarakat terdapat pelbagai pengaruh dan pelajar terdedah kepada pegangan nilai melalui media masa. Pihak sekolah juga tidak dapat menanamkan dan mengembangkan sikap serta nilai-nilai demokrasi dalam diri pelajar.

iv. *Model Agama*

Model agama menekankan cara terbaik untuk mengajar nilai-nilai sivik adalah melalui pendidikan agama. Sekiranya model agama dipraktikkan secara efektif maka kewujudan pelbagai model lain yang berunsur plural akan berkurangan.

Namun demikian, model agama mempunyai beberapa kelemahan dan dianggap tidak praktikal. Ini adalah kerana kesukaran untuk menghubungkan agama dengan moral dari segi kerelevanan perbincangan mengenai isu-isu sosial. Selain itu, terdapat pelbagai agama dan anutan dalam sesuatu masyarakat. Sekiranya pendidikan kewarganegaraan dilaksanakan tanpa adanya pengaruh dari institusi agama, maka isu-isu

sekular akan dapat diberi perhatian yang sama berat dan dibincangkan secara terbuka.

v. *Model Konflik Nilai atau Model Pluralis*

Model konflik nilai atau model pluralis mengiktiraf, bahawa terdapat pelbagai konflik nilai dalam kehidupan manusia dalam perhubungan dengan diri sendiri dan sesama manusia. Tujuan utama pendidikan kewarganegaraan ialah untuk menghasilkan warganegara yang mempunyai autonomi moral serta kemahiran untuk berfikir secara kritikal supaya dapat memberi sumbangan yang positif kepada masyarakat. Pendidikan kewarganegaraan ini memberi penekanan kepada perkembangan peribadi dan integriti individu serta memberi perhatian khusus kepada motivasi sivik yang paling utama iaitu komitmen.

Model ini dianggap sesuai untuk pelajar dari semua tahap umur. Keperluan utama ialah pengetahuan guru dari segi pedagogi untuk memperkembangkan kebolehan pelajar bagi meluaskan perspektif dengan mengutarakan idea-idea mereka. Kaedah ini dikenali sebagai teknik 'pembelajaran aktif'.

Kelemahan model ini ialah kekeliruan di kalangan guru-guru tentang nilai-nilai yang harus digalakkan dengan yang tidak, serta nilai-nilai yang neutral. Dari segi pengetahuan, model ini agak berat kerana

mengambil kira isu-isu pendidikan moral, pendidikan sosial, pendidikan hak-hak kemanusiaan serta pendidikan berkaitan undang-undang dan politik.

Dari segi pedagoginya, model ini memerlukan guru-guru yang mempunyai kemahiran. Perlu diadakan suasana kebebasan di kalangan pelajar untuk mengekspresikan diri masing-masing serta terlibat secara konstruktif dalam pandangan-pandangan yang diberikan oleh pelajar lain. Model ini juga memerlukan jadual waktu yang lebih lama. Keupayaan pelajar untuk berbincang dan kesediaan mereka untuk menjawab soalan guru juga menjadi persoalan dalam menentukan kejayaan pelaksanaannya.

2.4.2 Model-model Afektif

Pendidikan kewarganegaraan juga mempunyai kesan ke atas domain afektif pelajar dan bukan sekadar pengetahuan yang memberi kesan terhadap domain kognitif pelajar. Kebolehan pelajar untuk mempunyai sikap empati memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pendidikan kewarganegaraan.

Oleh yang demikian, pendidikan kewarganegaraan bertujuan mendidik perasaan dan pemikiran pelajar. Namun demikian, guru-guru dilatih untuk

menyampaikan pengetahuan dan ramai yang mengakui kemusykilan memenuhi keperluan domain afektif.

2.4.3 Model- model Pengalaman

Model-model pendidikan kewarganegaraan berdasarkan pengalaman menekankan kepentingan holistik yang melibatkan kedua-dua domain kognitif dan afektif di mana kemahiran kewarganegaraan (*citizenship skills*) dipraktikkan secara amali. Secara ringkasnya, ia terbahagi kepada dua model seperti berikut:

i. Model etos Sekolah

Model ini melibatkan suasana sekolah yang mementingkan nilai-nilai demokrasi dan peraturan yang mempertimbangkan hak-hak kemanuisaan. Tujuannya ialah untuk membolehkan pelajar mendapat pengalaman yang sewajarnya. Rojers (1994) telah mereka satu model yang berupa pendekatan yang digunakan oleh guru untuk mengawal pelajar secara efektif dan pada masa yang sama tidak mengenyakan hak dan tanggung jawab pelajar.

ii. Model Komuniti

Model ini digunakan oleh kebanyakan sekolah yang menggalakkan pembelajaran mengenai kewarganegaraan melalui pengalaman yang

didapati melalui program-program komuniti yang dijalankan secara sukarela oleh pelajar pada waktu lapang. Program-program yang dimaksudkan ini ialah gotong royong membaiki alam sekitar, membantu warga tua serta kebajikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Aktiviti bilik darjah pula boleh melibatkan penulisan surat kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikan sesuatu isu masyarakat yang timbul. Pelajar diberi kebebasan untuk memberi cadangan-cadangan sebagai jalan penyelesaian.

2.4.4 Versi Pendidikan Kewarganegaraan (Versi Minimal dan Versi Maximal)

Melalui tujuan dan objektif pendidikan kewarganegaraan yang pelbagai, terdapat dua bentuk kewarganegaraan yang cuba dihasilkan. Seterusnya akan diterangkan pendapat beberapa sarjana tentang versi kewarganegaraan yang boleh dihasilkan melalui pendidikan kewarganegaraan.

Evans (1995), menyarankan terdapat dua versi kewarganegaraan yang boleh dihasilkan melalui pendidikan kewarganegaraan. Yang pertama, ialah versi kewarganegaraan minimal yang dibentuk melalui pendedahan pelajar kepada pendidikan kewarganegaraan yang menekankan pengetahuan asas tentang hal-hal perundangan, sistem kerajaan, prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan serta hak dan obligasi individu.

Yang kedua, ialah versi kewarganegaraan maximal yang boleh dibentuk melalui pendidikan kewarganegaraan yang mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan reflektif serta bebas tentang isu-isu sosial. Versi pendidikan kewarganegaraan maximal bertujuan melahirkan warganegara yang boleh mengambil bahagian aktif dalam hal-hal berkaitan sosial, ekonomi dan politik.

Jenis-jenis kewarganegaraan yang dicadangkan oleh Evans, ada persamaan dengan versi kewarganegaraan yang dicadangkan oleh Arthur, Davison & Stow (2000). Dua versi kewarganegaraan tersebut ialah, yang pertama versi warganegara pasif (*fungsiional / passive citizenship*) yang boleh dibentuk melalui pendidikan kewarganegaraan yang menekankan pengetahuan tentang hal-hal perundangan, pilihanraya, fungsi kerajaan pusat dan kerajaan negeri serta hal-hal kebajikan negeri. Tujuannya ialah melahirkan individu yang mempunyai pemahaman dan perilaku yang membolehkannya menjadi ahli masyarakat dan negara.

Yang kedua ialah versi warganegara aktif atau berkuasa (*active/powerful citizenship*) yang boleh dibentuk melalui pendidikan kewarganegaraan yang bertujuan melahirkan warganegara yang aktif seperti yang dikehendaki oleh masyarakat dan negara. Ia berobjektif melahirkan warganegara yang boleh mempersoal, mengkritik dan memperdebatkan proses dan tindakan masyarakat. Warganegara yang cuba dihasilkan ini mempunyai kebolehan untuk

mencadangkan model alternatif kepada struktur dan sistem demokrasi yang menjadi amalan masyarakat.

Secara ringkasnya, kedua-dua versi warganegara melalui pandangan sarjana yang berbeza ini boleh dirumuskan seperti berikut. Terdapat dua versi warganegara yang cuba dihasilkan melalui dua versi pendidikan kewarganegaraan. Pendidikan kewarganegaraan maximal akan melahirkan versi warganegara yang aktif, sementara pendidikan kewarganegaraan minimal akan melahirkan versi warganegara yang pasif.

2.5 Kepentingan Pendidikan Kewarganegaraan

Masyarakat pada zaman moden dikatakan bersifat lebih individualistik yang mengantikan *team spirit* (Hargreaves, 1982). Sekiranya, pendidikan ditugaskan untuk membentuk masyarakat, maka terlebih dahulu perlu dijawab persoalan apakah bentuk masyarakat yang ingin dihasilkan dan bagaimanakah pendidikan akan melaksanakan tugas ini. Melalui pelaksanaan pendidikan kewarganegaraan di sekolah, sistem pendidikan dapat melahirkan masyarakat yang bertolak ansur dan bersatu padu berdasarkan kesedaran tentang nilai-nilai kewarganegaraan yang dikongsi bersama.

Kerr (1996), berpendapat kajian-kajian yang dijalankan terhadap kurikulum negara-negara yang mengamalkan demokrasi di dunia memperlihatkan pendidikan

generasi muda ke arah penyediaan dan pembentukan warganegara diberikan keutamaan. Bagi negara kita, nasionalisme bukan lagi menjadi bahan utama bagi falsafah pendidikan negara yang berhalatuju matlamat sosial dan politik kerana matlamat ekonomi dan prestij pada peringkat antarabangsa telah mengambil tempatnya. Falsafah membina sesuatu bangsa harus menjadi tumpuan perhatian kita iaitu menjamin keutuhan fabrik dalam sesebuah masyarakat melalui pendidikan (Mohd Taib Osman, 2003).

Terdapat pelbagai pandangan daripada tokoh tempatan yang telah membangkitkan kepentingan pendidikan kewarganegaraan. Koh Soo Ling (NST Mac 2004), menyatakan pelajar sekolah perlu didedahkan dengan pelbagai disiplin dan Sains Politik adalah salah satu daripadanya. Pandangan ini disokong oleh Syed Ahmad Hussien yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan 'Projek Warga' yang dilancarkan di beberapa buah sekolah di Pulau Pinang sejak tahun 2003.

'Projek Warga' dilancarkan oleh Malaysian Citizenship Initiative dengan kerjasama Civic Centre Of Education, California. Projek ini telah dilancarkan di tiga puluh buah Negara termasuk Amerika Syarikat, Russia, Bosnia, Panama dan Indonesia. Projek ini dilancarkan di dua puluh sekolah di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Tujuan projek ini ialah untuk menggalakkan kewarganegaraan aktif (*active citizenship*) di kalangan belia. Pelajar sekolah menengah rendah dijadikan sasaran utama dan dilibatkan dalam proses membuat dasar di peringkat kerajaan negeri (NST Mac 2004).

Menurut Syed Ahmad, projek begini akan melibatkan pelajar secara langsung dalam isu-isu masyarakat semasa dan menggalakkan penglibatan sivik pelajar, keluarga mereka dan komuniti amnya. Objektif projek ini ialah untuk membolehkan para belia memperolehi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang betul untuk membolehkan mereka menjadi warganegara berdaya saing dan bertanggung jawab.

Pendedahan dan penglibatan generasi muda perlu ditingkatkan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Dua persoalan dikemukakan yang pertama ialah sejauh manakah IPT tempatan mampu memberikan pengetahuan serta maklumat tentang politik dan demokrasi? Yang kedua, adakah perlu pengajian politik ditambah ke dalam sukatan pelajaran sekolah menengah. Langkah kerajaan untuk memperkenalkan mata pelajaran Sivik ke sekolah semula akan membantu menyebarkan kesedaran politik di kalangan generasi muda (NST Mac 2004).

Bidang politik seringkali dikaitkan dengan imej yang tidak sihat, terutamanya sewaktu pilihanraya diadakan. Oleh itu, adalah menjadi tugas IPT untuk menyedarkan generasi pelajar tentang keadaan yang sebenarnya. Politik negara kita dibina atas asas pakatan murni dan tolak ansur antara berbilang kaum. Oleh itu, pelajar haruslah diberi pengetahuan tentang perkembangan politik negara, kompromi yang tidak dapat dielakkan dan pelbagai masalah yang perlu dihadapi oleh para pemimpin dan ahli politik dalam melaksanakan tugas mntadbir negara. Lantaran itu, pelajar akan dapat membuat penilaian yang lebih munasabah terhadap isu-isu semasa. Pelajar juga seringkali berpendapat undi mereka adalah tidak penting. Ini adalah kerana mereka berperasangka bahawa tanggung

jawab ini terletak di bahu pembuat dasar. Selain itu, pelajar juga perlu memahami konsep-konsep seperti hak asasi, masyarakat civil, penglibatan wanita dalam pembangunan dan sebagainya. Perbezaan yang terdapat dalam dasar-dasar yang diamalkan oleh pelbagai negara akan lebih mudah difahami oleh pelajar sekiranya mereka diberi peluang untuk membincangkan isu-isu semasa melalui pendidikan kewarganegaraan.

2.6 Pendidikan Kewarganegaraan Dalam Kurikulum

Sejak tahun 1990, pendidikan kewarganegaraan telah mendapat perhatian kerana ianya dipertanggung jawabkan untuk membina warganegara yang ideal. Pendidikan kewarganegaraan yang diterapkan dalam sistem pendidikan kita adalah bercorak merentas kurikulum dalam bentuk nilai-nilai kewarganegaraan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Namun demikian, terdapat mata pelajaran yang relevan serta lebih mudah diterapkan nilai-nilai kewarganegaraan berbanding mata pelajaran yang lain.

Pendidikan kewarganegaraan sudah sekian lama menjadi kepentingan dalam system pendidikan dan didapati mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Politik adalah mata pelajaran yang sesuai dan relevan untuk penerapan nilai-nilai kewarganegaraan. Sementara itu, mata pelajaran Biologi, Matematik, Seni dan Kesusasteraan adalah tidak begitu sesuai dan relevan. Walau bagaimanapun, tidak ada mana-mana mata pelajaran yang boleh mengabaikan unsur-unsur pendidikan kewarganegaraan. Demikian menurut

pendapat W.H. Hadow, presiden Association for Education in Citizenship (AEC) dalam hujahnya mengenai peranan yang dimainkan oleh pendidikan dalam melahirkan warganegara (AEC, 1936).

Mata pelajaran Sejarah adalah salah satu mata pelajaran yang sesuai untuk penerapan unsur-unsur kewarganegaraan yang relevan kepada pembinaan bangsa seperti yang cuba dicapai melalui Wawasan 2020 (Omardin Hj. Ashaari & Yunus Mohd 1996). Para pengkaji berpendapat unsur-unsur pendidikan kewarganegaraan hendaklah diterapkan bersama-sama dengan pengajaran mata pelajaran Sejarah (Mohd Salleh Lebar 1996, Zahara Aziz 1992, Asmah Haji Omar 1986, Abdul Rahim 1989, Sufean Hussin 1996).

Pengajaran pendidikan kewarganegaraan adalah bercorak merentas kurikulum kerana pelajar harus didedahkan dengan nilai-nilai keawarganegaaan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Hugill & Surkes 1988). Pendapat ini disokong oleh penulisan beberapa tokoh lain yang menegaskan ciri-ciri pendidikan kewarganegaraan (Barbalet 1988, Jordan 1989, Heater 1990). Ramai sarjana yang telah cuba menerangkan sifat pendidikan kewarganegaraan dan *metod-metod terbaik untuk melaksanakannya* (Fogelman 1991, Baglin & Jones 1992, Lynch 1992, Edwards & Fogelman 1993, Morisson 1994, White 1996).

Namun demikian, terdapat juga pendapat sarjana yang menyatakan ianya harus diajar sebagai satu mata pelajaran yang berasingan, selain daripada pengajarannya melalui mata pelajaran Sejarah dan Geografi (Costello 1997).

2.7 Peranan Guru dalam Menerapkan Nilai-nilai Kewarganegaraan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Tidak dapat dinafikan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan pendidikan kewarganegaraan. Daripada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan didapati pendidikan kewarganegaraan hanya wujud secara dokumentasi sahaja tetapi pelaksanaannya tidak dijalankan (Edwards & Fogelman, 2000). Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada tidak terlaksananya pendidikan kewarganegaraan ialah kurikulum yang terlalu berat, kurang keyakinan dan tiada guru yang mahir.

Walaupun pihak sekolah bertujuan untuk mendidik pelajar dalam bidang pendidikan kewarganegaraan, namun masih terdapat halangan dalam pelaksanaannya. Guru-guru juga memberi alasan bahawa terdapat banyak aktiviti lain yang berunsur pendidikan kewarganegaraan (Fogelman, 1991; Saunders *et al* 1995; Kerr, 1996). Masalah ini akan menyebabkan pihak sekolah tidak dapat memainkan peranan sebagai pelaksana pendidikan kewarganegaraan. Bagi memastikan objektif pendidikan kewarganegaraan tercapai, maka institusi sekolah harus dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan (Lynch, 1992).

2.8 Kesimpulan

Mengikuti kajian yang dijalankan di dua puluh empat buah negara adalah didapati bahawa mata pelajaran sivik tidak mendapat keutamaan malah adakalanya diketepikan langsung (Torney-Putra, Schwille & Amadeo, 1999). Salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan ini ialah kurikulum yang terlalu berat. Selain itu, latihan perguruan juga tidak memberi penekanan kepada pengajaran nilai-nilai kewarganegaraan melalui bidang pengajian Sivik. Bahan-bahan pengajaran didapati tidak mencukupi dan lebih bersifat deskriptif. Dari segi pedagoginya terdapat terlalu banyak masalah di mana guru-guru lebih cenderung kepada metod-metod penghafalan dan pensyarahan dibandingkan dengan metod-metod interaktif. Terdapat juga guru-guru yang mengelakkan daripada membincangkan isu-isu politik dan sosial.